



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

PENAHANAN PEGAWAI JPN OLEH SPRM

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengesahkan penahanan dua (2) orang pegawai Jabatan ini oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 7 Jun 2023 (Rabu) kerana disyaki terlibat dalam kegiatan sindiket pengeluaran sijil lahir dan MyKid.

Penahanan ini adalah hasil kerjasama strategik di mana JPN telah berkongsi hasil risikan dalaman yang telah dilakukan kepada SPRM, dan akhirnya membawa kepada penahanan tersebut. Jabatan akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak SPRM bagi melengkapkan siasatan. JPN sama sekali tidak akan berkompromi terhadap sebarang salah laku kakitangan Jabatan yang terlibat dalam pengeluaran dokumen pengenalan diri secara tidak sah.

JPN tidak akan melindungi mana-mana kakitangan yang didapati terlibat dalam kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negara. Tindakan dan hukuman yang setimpal akan dikenakan sekiranya pegawai yang ditangkap dibuktikan bersalah.

JPN sentiasa serius dan komited memastikan tiada pelanggaran integriti seumpamanya dengan melaksanakan penambahbaikan prosedur pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan diri secara berterusan serta pelbagai program pengukuhan integriti kakitangan.

Malah siasatan peringkat dalaman secara berkala dan kerjasama berterusan dengan agensi-agensi penguat kuasa lain juga merupakan usaha tidak berbelah bahagi Jabatan ini memastikan tiada sebarang ruang penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

TAMAT/.

ZAMRI BIN MISMAN
KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA
8 JUN 2023

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my